



## **Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor**

Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>, Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Novel Lyndon<sup>1</sup>, Sity Daud<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.edu.my)

### **Abstrak**

Pilihan Raya Kecil (PRK) adalah landasan bagi menjejak arah-aliran jangka pendek penilaian pengundi. PRK Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang 2014 diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi DUN Kajang melalui perletakan jawatan ADUN Kajang iaitu Lee Chin Cheh daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kempen, isu dan persepsi terhadap dasar kerajaan negeri dan persekutuan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. Beberapa kaedah telah digunakan iaitu penyelidikan perpustakaan, pemerhatian di lapangan dan soal selidik terhadap 300 orang responden di kesemua 16 Daerah Mengundi dalam DUN Kajang. Hasil kajian mendapati jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Keseluruhannya, persepsi terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu isu kenaikan harga barangan dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib agar kehidupan mereka lebih baik. PRK DUN Kajang juga memperlihatkan pengekalanan 'status quo' iaitu kemenangan kepada PKR kerana impak keputusan PRU 2013 masih baru dan terkesan oleh pengundi di DUN Kajang.

**Katakunci:** dasar kerajaan, isu ekonomi, kempen pilihanraya, peluang pekerjaan, persepsi pengundi, pilihan raya kecil

## **By-election campaign and voter perception of government policies: A case study of the Kajang state legislative assembly (N25), Selangor**

### **Abstract**

A by-election may provide a platform for tracking short term trends of an electorate's thinking. The 2014 Kajang by-election was held to fill the vacancy left by the resignation of Mr. Lee Chin Cheh, the assemblyman from the People Justice Party (PKR). The purpose of this study is to analyse campaign issues and voters' perceptions of state and federal policies in the 2014 Kajang (N25) by-election. Primary data were gathered from 300 randomly sampled respondents of 16 polling districts in the Kajang state assembly, and analysed using the SPSS programme. The findings revealed that manifestos and candidate criteria were the most influential voting factors during the campaign period. Overall, the perception of the state and the federal government policies was positive but voters did expect economic issues, in particular, rising prices of goods and employment opportunities to be better addressed by authorities for their living standard and quality of life to be improved. The Kajang by-election also saw the

preservation of the status quo by according victory to the PKR candidate. This could be due to the still fresh impress of the 2013 general election.

**Keywords:** by-election, economic issues, election campaign, employment opportunities, government policies, voter perception

## Pengenalan

Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang 2014 diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi N25 Kajang DUN Selangor pada 23 Mac 2014 dan diikuti dengan hari penamaan calon pada 11 Mac 2014. Kerusi DUN Kajang kosong disebabkan ADUN kawasan tersebut iaitu Lee Chin Cheh meletakkan jawatan pada 27 Januari 2014. Lee merupakan ADUN daripada PKR, salah sebuah parti-parti dalam Pakatan Rakyat yang turut dianggotai PAS dan DAP. Beliau memenangi dengan jumlah majoriti sebanyak 6,824 undi dengan menewaskan lima calon lain ketika PRU-13, 2013. Ketua pembangkang Parlimen Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah disahkan bertanding mewakili calon daripada PKR/PR pada pilihan raya kecil ini. Walau bagaimanapun, setelah beliau dikenakan hukuman oleh Mahkamah Rayuan di atas kesalahan meliwat, pencalonan tersebut terpaksa diserahkan kepada isterinya, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Sementara itu, Barisan Nasional telah menamakan calon MCA yang juga Naib Presiden parti tersebut iaitu Chew Mei Fun. Sebelum ini, beliau pernah menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Petaling Jaya Utara. Hasil kajian ini melihat senario kedua-dua blok parti yang bertanding (BN dan PR) bermula daripada kempen yang dijalankan oleh calon-calon dalam mendapat kepercayaan dan keyakinan pengundi DUN Kajang. Selain itu pendapat politik responden mengenai dasar-dasar Kerajaan Persekutuan (BN) dan Kerajaan Negeri Selangor mengenai dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) melihat permasalahan pengundi sejauhmanakah dasar ini memberi impak kepada mereka dan dasar manakah yang lebih diterima dan bermanfaat. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis bentuk kempen dan persepsi terhadap dasar kerajaan negeri dan persekutuan dalam PRK DUN Kajang.

## Data

Pengumpulan data primer dilakukan melalui kaedah kaji selidik terhadap 300 orang responden serta pemerhatian di kesemua 16 kawasan Daerah Mengundi dalam DUN Kajang ketika tempoh kempen. Data sekunder pula diperolehi daripada bahan bercetak serta atas talian (internet), kajian di perpustakaan dan kajian-kajian lepas. Bagi penganalisan data pula melibatkan penggunaan perisian SPSS untuk menganalisis data primer iaitu borang soal selidik yang disesuaikan dengan data sekunder yang sesuai.

## Kawasan kajian

Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang terletak di garisan lintang  $101^{\circ} 42'$  hingga  $101^{\circ} 50'$  T dan garisan bujur  $2^{\circ} 51'$  U hingga  $3^{\circ} 11'$  U. Kawasan Kajang dapat dihubungkan dengan Putrajaya dan Cyberjaya. Kawasan Kajang mengalami iklim yang panas dan lembab sepanjang tahun serta seragam. Purata suhu di kawasan ini adalah  $27^{\circ}\text{C}$ . Bezantara min ialah sebanyak  $12^{\circ}\text{C}$  pada bulan Februari dan suhu minimum ialah  $9^{\circ}\text{C}$  pada bulan Mac dan minimum pada bulan Jun dan Ogos iaitu  $21.1^{\circ}\text{C}$ . Kajang menerima hujan tahunan yang dibawa oleh angin monsun barat daya yang bertiup dari arah Selat Melaka. Hujan yang turun adalah dari jenis perolakan dan hujan bukit. Jumlah hujan yang tinggi diterima pada bulan Oktober hingga Disember. Jumlah hujan tahunan bagi tempoh tahun 1992-2002 ialah 25 129 mm dengan purata 2 284.5 mm. Walau bagaimanapun, jumlah taburan hujan di kawasan ini tidak sekata serta berubah-ubah bergantung kepada perubahan angin monsun. Kajian ini dilakukan di negeri Selangor iaitu

kawasan DUN (N25) Kajang dalam Parlimen Hulu Langat yang mempunyai tiga kawasan DUN iaitu N23 Dusun Tua, N24 Semenyih dan N25 Kajang. DUN Kajang yang mempunyai 16 Daerah Mengundi iaitu Taman Kota Cheras, Sungai Sekamat, Saujana Impian, Taman Mesra, Sungai Kantan, Taman Kajang Baru, Sungai Chua 1, 2, 3, 4, 5, Taman Delima, Kantan Permai, Kajang, Bandar Kajang dan Batu 10 Cheras (Lihat Rajah 1).



Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta Bahagian Pilihan Raya Parlimen Hulu Langat dan DUN Kajang, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Selangor.

**Rajah 1.** Peta kawasan-kawasan daerah mengundi dalam DUN Kajang, Selangor

Keputusan PRK 2014 bagi kawasan DUN Kajang menunjukkan bahawa calon PKR (Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail – 16,741 undi) berjaya menewaskan calon BN (Datin Paduka Chew Mei Fun – 11,362 undi) dengan majoriti 5379 undi. Jumlah keluar mengundi ialah 38,055 undi (72.1 peratus) dengan peratus perbezaan undi sebanyak 19.14 peratus manakala undi rosak ialah 176 undi (Rujuk Jadual 1, Senarai Wakil Rakyat DUN Kajang 1959-2014).

**Jadual 1. Senarai Wakil Rakyat di kawasan DUN Kajang daripada Pilihan Raya Umum (PRU) 1959 hingga PRU 2013 dan Pilihan Raya Kecil (PRK) 2014**

Tahun	Nama Wakil Rakyat	Parti
1959	Mustafa Yunus	Perikatan/UMNO
1964	Mohd. Nazir bin Haji Abdul Jalil	Perikatan/UMNO
1969	Mohd. Nazir bin Haji Abdul Jalil	Perikatan/UMNO
1974	Lee Teck Su	BEBAS
1978	Liew Ah Kim	DAP
1982	Lim Soon Teck @ Lim Ann Koon	BN/MCA
1986	Chan Kok Kit @ Chan Kit	DAP
1990	Dr Tan Seng Giaw	DAP
1995	Choong Tow Chong	BN/MCA
1999	Dr. Shafie bin Abu Bakar	PAS/BA
2004	Low Lee Leng	BN/MCA
2008	Lee Kim Sin	PKR/PR
2013	Lee Chin Cheh	PKR/PR
2014	Wan Azizah Wan Ismail	PKR/PR

*Sumber:* Smith, 1955; The Election Commission, 1959 & 1964; SPR, 1969-1990 dan SPR, 1995, 1999, 2004, 2008, 2013 & 2014; Berita Harian & Dewan Masyarakat, 2013.

## Bentuk kempen

Dalam pilihan raya, kempen adalah segala usaha kegiatan dan tindakan yang dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan penerangan, rayuan dan lain-lain untuk mempengaruhi pendapat umum atau mendapat sokongan umum terhadap sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Parti politik atau individu yang bertanding akan menggunakan cara tersendiri untuk meraih undi selagi tidak melanggar peraturan mereka bebas untuk berkempen. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tradisonal atau biasa, kaedah melalui media massa atau arus perdana dan melalui kaedah media alternatif seperti internet.

Pelbagai bentuk dan jenis kempen yang dijalankan semasa PRK bagi mempengaruhi sokongan responden kepada parti dan calon yang bertanding. Hasil kajian soal selidik di lapangan yang dijalankan mendapati jenis bentuk kempen mendapat perhatian daripada responden dalam PRK Kajang ialah melalui manifesto parti atau calon iaitu 57.3 peratus mengatakan sangat mempengaruhi (Lihat Jadual 2). Manifesto merupakan perkara yang terpenting dalam Pilihan Raya Umum mahupun Pilihan Raya Kecil. Manifesto menjadi kayu ukur kepada pengundi dalam memilih parti yang bertanding, dari pandangan responden menyatakan bahawa manifesto yang membawa kepada kebaikan mereka, keluarga dan masyarakat menjadi pilihan dalam memilih parti bertanding. Jika dilihat kedua-dua parti yang bertanding masing-masing mengetengahkan manifesto yang hampir kurang sama kerana itulah keperluan dan kehendak rakyat Kajang di kawasan mereka. Seterusnya bagi yang mengatakan tidak mempengaruhi adalah dengan alasan mana-mana pemerintah perlu menjalankan tanggungjawab mereka sebagai wakil rakyat mahu atau tidak mereka perlu menyediakan kemudahan yang terbaik untuk rakyat.

Bentuk kempen melalui ceramah umum mencatatkan 10.3 peratus sangat mempengaruhi dan 81.3 peratus mempengaruhi. Ceramah Umum adalah ceramah yang dilakukan di kawasan atau tempat awam yang boleh dihadiri semua kelompok masyarakat dalam mendengar dan mendapat maklumat politik terus dari parti dan calon bertanding. Hasil kajian menunjukkan ceramah umum sangat mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik yang bertanding ini kerana mereka dapat menilai terus dengan maklumat-maklumat yang diperoleh malah responden dapat melihat sendiri bagaimana calon-calon bertanding memberi pendapat dan hujah serta fakta serta membidas parti lawan. Ini akan menghasilkan perang psikologi/psywar kepada responden dan seterusnya memberi keyakinan kepada responden untuk membuat pilihan parti manakah yang akan menjadi pilihan mereka pada PRK tersebut. Bagi responden yang menyatakan tidak mempengaruhi ialah dengan alasan bahawa kata-kata pemimpin di ceramah

umum adalah retorik semata-mata dan ada yang tidak menghadiri langsung ke ceramah-ceramah umum yang dijalankan ini secara tidak langsung mengubah persepsi politik mereka.

**Jadual 2. Jenis-jenis/bentuk kempen yang mempengaruhi sokongan responden dalam PRK DUN Kajang**

Bil.	Bentuk/jenis/kaedah	Tidak mempengaruhi %	Mempengaruhi %	Sangat mempengaruhi %
<b>Kaedah tradisional/biasa</b>				
1.	Bendera parti	76.7	23.3	0.0
2.	Poster, <i>banner</i> dan <i>bunting</i> calon/pemimpin	48.3	50.7	1.0
3.	<i>Banner</i> dan <i>bunting</i> isu setempat	24.7	70.3	5.0
4.	<i>Banner</i> dan <i>bunting</i> isu nasional	24.7	70.7	4.7
5.	<i>Billboard</i> /papan kenyataan kempen	43.0	56.7	0.3
6.	Bahan replika politik	89.3	10.7	
7.	Baju dan topi parti politik	81.3	18.7	0.0
8.	Buku-buku politik	23.7	70.7	5.7
9.	Risalah biodata calon	3.0	83.3	13.7
10.	Risalah isu	3.0	88.3	8.7
11.	Ceramah umum	8.3	81.3	10.3
12.	Ceramah berkelompok	11.3	78.3	10.3
13.	Program kemasyarakatan (kesihatan, khidmat nasihat, pertanian dll)	34.0	63.0	3.0
14.	Ceramah/rakaman ceramah melalui kenderaan yg bergerak	75.0	23.3	1.7
15.	<i>Flashmob</i> /perayu undi jalanan	89.7	10.0	0.3
16.	Kenderaan dihiasi bendera/poster calon	85.0	11.3	3.7
17.	Manifesto parti/calon	10.0	32.7	57.3
18.	Walkabout/lawatan rumah ke rumah pengundi	56.7	41.3	2.3
19.	Walkabout/lawatan turun padang ke tempat awam spt pasar,tempat ibadat dll	53.0	45.3	1.7
20.	Jamuan makan dan persembahan hiburan/budaya	73.7	24.7	1.7
21.	Kempen oleh perayu undi ketika hari pembuangan undi	85.0	14.7	0.3
22.	Perarakan kenderaan oleh penyokong parti politik	78.7	20.0	1.3
23.	Projek-projek pembangunan spt, pembinaan jalanraya, jambatan, rumah dll	7.3	70.7	22.0
24.	Bayaran suguhati untuk pengundi yang tinggal di luar kawasan untuk pulang mengundi	35.0	56.7	8.3
<b>Media massa/arus perdana</b>				
25.	Akhbar bercetak	7.0	91.7	1.3
26.	Siaran/berita televisyen	6.7	92.0	1.3
27.	Radio	58.3	41.0	0.7

Bil.	Bentuk/jenis/kaedah	Tidak mempengaruhi %	Mempengaruhi %	Sangat mempengaruhi %
<b>Media alternatif/baru/internet</b>				
28.	<i>Facebook</i>	36.0	56.3	7.7
29.	<i>Twitter</i>	48.0	45.0	7.0
30.	<i>Blog</i>	32.3	59.3	8.3
31.	Laman web	42.0	50.0	8.0
32.	<i>Email</i>	79.0	15.3	5.7
33.	<i>Skype</i>	89.0	11.0	0.0
34.	<i>You tube</i>	76.0	18.0	6.0
35.	<i>SMS</i>	89.3	10.3	0.3
36.	<i>CD/VCD</i>	91.7	8.0	0.3
37.	<i>Whats-app</i>	91.3	8.7	0.0

Sumber: Soal selidik 2014

Poster, *banner* dan *bunting* merupakan satu kaedah kempen yang tidak asing lagi di negara ini yang digunakan oleh mana-mana parti politik dalam berkempen untuk meraih undi. Perang poster, *banner* dan *bunting* oleh parti pemerintah dan parti pembangkang boleh dilihat di merata-rata kawasan strategik di bandar mahupun di luar bandar seluruh DUN Kajang. Dapatan kajian menunjukkan 50.7 peratus menyatakan kaedah tersebut mempengaruhi pilihan politik mereka. Bagi responden yang menyatakan mempengaruhi dan sangat mempengaruhi adalah kerana melalui poster-poster ini dapat melihat manifesto-manifesto yang dipaparkan di setiap *banner* dan *bunting* malah dengan menggunakan kaedah kempen ini responden dapat menilai parti mana yang bersemangat dan komited dalam memberi kebaikan kepada rakyat. Bagi responden menyatakan tidak mempengaruhi adalah dengan alasan bahawa kaedah kempen ini tidak memberi apa-apa makna kerana bagi mereka kaedah kempen tersebut adalah satu pembaziran dan tidak memberi apa-apa impak kepada rakyat.

*Walkabout* atau lawatan turun padang ke tempat awam seperti pasar, tempat ibadat dan lain-lain juga merupakan kaedah kempen bagi parti dan calon bertanding. Pasar dan rumah ibadat merupakan tempat menjadi tumpuan penduduk dan masyarakat setempat dan menjadi satu cara untuk jentera kempen parti dan calon untuk berkempen dan bermesra dengan pengundi-pengundi. Bagi kaedah ini, 53.0 peratus menyatakan tidak mempengaruhi. Alasan bagi responden yang menyatakan tidak mempengaruhi adalah kerana kaedah kempen tersebut hanyalah satu tindakan yang tidak memberi impak jangka masa yang lama kerana parti dan calon hanya turun padang pada hari berkenaan untuk berkempen dan meraih undi bukannya untuk mencari permasalahan rakyat hadapi. Namun sebaliknya pula bagi responden menyatakan kaedah ini mempengaruhi dan sangat mempengaruhi mereka dengan alasan bahawa parti dan calon yang turun padang adalah parti dan calon yang mesra rakyat dan boleh menjadi pemimpin kepada rakyat terutamanya kepada responden. Malah dengan kaedah turun padang ini, parti dan calon lebih memahami masalah rakyat bawahan.

Melalui kaedah media massa atau arus perdana dalam menjalankan kempen yang mempengaruhi responden melalui akhbar bercetak, dapatan kajian menunjukkan 91.7 peratus menyatakan kaedah tersebut dapat mempengaruhi sokongan mereka dalam PRK. Kempen melalui akhbar bercetak juga merupakan kaedah yang sudah lama digunapakai oleh parti kerajaan mahupun parti pembangkang. Kempen melalui akhbar bercetak dapat dibaca oleh semua peringkat pengundi untuk mendapatkan maklumat politik. Akhbar bercetak merupakan satu kaedah yang berkesan dalam mempengaruhi responden kerana melalui media ini, responden berpendapat media boleh dipercayai dengan alasan melalui akhbar, responden lebih memahami tentang isu-isu kempen yang dibangkitkan tidak kira sama ada akhbar prokerajaan mahupun propembangkang. Sebaliknya bagi responden menyatakan tidak mempengaruhi dengan alasan kempen melalui akhbar adalah tidak praktikal dan tidak memberi apa-apa reaksi kepada mereka, malah kebanyakan responden ini juga kurang membaca akhbar cetak. Mereka tidak membaca akhbar setiap hari, sebaliknya hanya membaca pada hujung minggu, maka dengan itu mereka kurang mendapat maklumat mengenai kempen parti dan calon bertanding. Melalui kaedah kempen

daripada siaran atau berita dari TV, 92.0 peratus responden menyatakan kaedah kempen tersebut mempengaruhi pilihan politik mereka. Responden berpendapat siaran atau berita TV dapat menyampaikan berita dengan tepat dan sahih malah mudah untuk difahami selain itu rata-rata responden mempunyai TV di rumah masing-masing dan mudah untuk mendapat maklumat politik dengan baik. Bagi responden menyatakan tidak mempengaruhi dengan alasan tidak menonton TV kerana sibuk dengan aktiviti harian dengan itu kempen melalui siaran TV tidak dapat mempengaruhi pilihan politik mereka.

Seterusnya bagi kempen melalui kaedah media alternatif seperti internet, kaedah ini merupakan kaedah baru berbanding kaedah-kaedah tradisional seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Parti dan calon menggunakan kaedah ini bagi meraih undi pengundi kerana melalui kaedah kempen media alternatif ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi golongan muda kerana media ini digunakan sebahagian besar oleh pengundi belia atau muda. *Facebook* merupakan media alternatif yang menjadi tempat berkempen oleh parti dan calon bertanding. Hasil kajian menunjukkan 56.3 peratus responden mempengaruhi pilihan politik responden. Bagi responden mempengaruhi dengan alasan *facebook* dan *blog* merupakan tempat mendapat maklumat dengan mudah kerana ianya berada diujung jari dan secara tidak langsung dapat menilai mana yang terbaik. Sebaliknya bagi yang menyatakan tidak mempengaruhi adalah dengan alasan tidak mempunyai akaun *Facebook* dan *blog* dan tidak mempercayai maklumat FB yang kebanyakannya bukan ditulis sendiri oleh parti dan calon yang bertanding.

Bagi media alternatif iaitu *Youtube* merupakan *website* video sharing terbesar, dengan *Youtube user* boleh memuat turun video baik video pribadi mahupun video umum yang dikategorikan berdasarkan *channel*. Bagi *Youtube*, pengguna kebiasaannya mengekspresikan diri untuk dilihat dan dilayari oleh jutaan pengguna lain dari seluruh dunia. *Youtube* menjadi salah satu media untuk berkempen bagi calon dan parti bertanding, dapatan kajian menunjukkan 76.0 peratus responden menyatakan tidak mempengaruhi pilihan politik mereka. Responden memberi alasan *youtube* tidak mempengaruhi mereka dalam menyokong parti dan calon bertanding kerana mereka kurang mengakses *youtube* malah tidak pernah membuka media alternatif ini kerana kebanyakan video berada dalam ini adalah sama dengan berita siaran TV hanya boleh dilihat berulang kali. Selain itu rata-rata responden tidak mempunyai internet untuk tujuan melihat *youtube*. Bagi menyatakan mempengaruhi adalah kerana *youtube* mendapatkan berita atau ceramah yang tidak terdapat dalam siaran arus perdana iaitu maklumat daripada parti pembangkang seterusnya dapat mempengaruhi responden untuk menyokong parti dan calon bertanding.

## Persepsi terhadap dasar kerajaan

Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional sebagai parti yang memerintah telah memperkenalkan pelbagai dasar dalam menjamin kesejahteraan rakyat di semua peringkat taraf sosial ekonomi. Dasar kerajaan dengan memberi Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan rendah dan pertengahan. Seramai 86.3 peratus bersetuju dengan dasar bantuan BR1M dan KR1M ini yang dapat meringankan kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan (Rujuk Rajah 3). Rata-rata responden yang disoal selidik menyatakan memperoleh BR1M. Dengan ini, responden berpendapat dengan bantuan ini serba sedikit dapat mengurangkan kos sara hidup walaupun tidak banyak namun ianya sangat membantu terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Bagi yang tidak bersetuju dengan bantuan ini adalah dengan alasan bahawa mereka bukanlah golongan yang layak untuk memperoleh bantuan ini dan menganggap bantuan ini adalah satu pembaziran wang kerajaan dan hanyalah satu dasar kerajaan yang ingin mengumpukan rakyat semasa PRU yang lepas bukan atas dasar prihatin dan ikhlas membantu rakyat.

**Jadual 3. Pendapat umum mengenai dasar-dasar Kerajaan Persekutuan**

Bil.	Dasar-dasar Kerajaan Persekutuan/BN	Setuju (%)	Tidak setuju (%)	Tidak pasti (%)
1.	BR1M dan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan.	86.3	3.3	10.3
2.	Langkah Kerajaan Persekutuan (BN) memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti PPR, PR1MA, Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) merupakan program yang bermanfaat dan dapat membantu rakyat memiliki rumah sendiri.	95.7	0.7	3.7
3.	Kerajaan pusat prihatin terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti (yuran sekolah percuma, wang RM100 dan baucer buku).	86.7	4.7	8.7
4.	Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dengan pelaksanaan gagasan 1Malaysia.	78.0	17.0	5.0
5.	Kerajaan berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.	82.7	2.7	14.7
6.	SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali.	38.3	31.0	30.7
7.	Penguatkuasaan pengesanan kesalahan lalu lintas secara kamera automatik iaitu Automated Enforcement System (AES) dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.	35.0	46.7	18.3
8.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali.	63.3	10.7	26.0
9.	Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat.	33.0	41.3	25.7
10.	Kenaikan harga minyak/petrol RM 0.20 adalah munasabah serta bermanfaat untuk rakyat.	11.3	78.3	10.3
11.	Kenaikan harga minyak petrol melalui pengurangan subsidi yang ditanggung Kerajaan adalah perlu dan pada akhirnya akan dikembalikan semula kepada rakyat melalui pembangunan infrastruktur serta bantuan BR1M.	54.0	29.7	16.3
12.	Usaha Kerajaan Pusat untuk menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan adalah memadai	26.7	53.0	20.3
13.	Pengharaman amalan ajaran Syiah di negara ini oleh Kerajaan adalah wajar.	80.7	2.3	17.0
14.	Pembanterasan kongsi gelap melalui Ops Cantas adalah perlu untuk kesejahteraan masyarakat.	93.3	1.0	5.7
15.	Belanjawan 2014 memberi banyak manfaat kepada rakyat.	14.7	30.7	54.7
16.	Cukai barangan dan perkhidmatan/GST adalah penting untuk menjana pembangunan negara.	15.3	32.0	52.7
17.	Kenaikan kadar tarif elektrik akan membebaskan rakyat.	68.3	21.7	10.0
18.	Kenaikan kadar cukai pintu rumah kediaman boleh diterima rakyat.	12.0	78.7	9.3
19.	Kenaikan harga tambang pengangkutan awam perlu ditangguhkan untuk kepentingan rakyat.	78.0	2.0	20.0
20.	Isu kehilangan pesawat MAS370 ditangani Kerajaan Pusat dengan baik.	90.0	3.3	6.7
21.	Kerajaan Pusat serius dalam menangani masalah jerebu.	89.0	2.3	8.7

Sumber: Soal selidik 2014



Bagi dasar Kerajaan Pusat yang prihatin terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti (yuran sekolah percuma, wang RM100 dan baucer buku), 86.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini, responden yang menyatakan tidak bersetuju dengan pemberian bantuan kepada pelajar sekolah, kolej dan universiti adalah satu tindakan keprihatinan kerajaan dengan alasan pemberian bantuan ini tidak lebih daripada hanya untuk menutup kelompongan masalah ekonomi yang dihadapi rakyat dan dengan pemberian ini bukan satu langkah jangka panjang menyelesaikan masalah pendidikan di negara ini. Malah, bantuan ini tidak banyak nilainya berbanding kos untuk menghantar anak ke sekolah mahupun kolej atau universiti. Bagi responden yang bersetuju dengan pemberian ini menunjukkan kerajaan prihatin dengan kebajikan pelajar dengan alasan dengan bantuan ini serba sedikit dapat membantu mengurangkan perbelanjaan pelajar untuk membeli keperluan asas pembelajaran terutamanya pelajar kolej dan universiti dapat menggunakan bantuan ini membeli buku rujukan yang diperlukan memandangkan harga buku rujukan pendidikan tinggi adalah mahal.

Kenaikan harga minyak petrol melalui pengurangan subsidi yang ditanggung Kerajaan adalah perlu dan pada akhirnya akan dikembalikan semula kepada rakyat melalui pembangunan infrastruktur serta bantuan BR1M. Hasil kajian menunjukkan 54.0 peratus responden menyatakan setuju dengan kenyataan ini. Dalam krisis kenaikan harga minyak, responden bersetuju dengan kenaikan harga minyak ini yang akhirnya akan dikembalikan semula untuk manfaat rakyat dengan alasan rata-rata responden memproleh BR1M. Namun bagi yang tidak bersetuju pula menyatakan alasan adakah perlu kerajaan berbuat sedemikian jika betul-betul ingin membantu rakyat kerana dengan kenaikan harga minyak tidak akan membantu dalam jangka masa yang lama dengan bantuan yang diberikan berbanding dengan menurunkan harga minyak dan membantu rakyat dengan ikhlas dan bukan membantu kerana kepentingan politik semata-mata.

Bagi pernyataan 'Cukai barangan dan perkhidmatan/GST adalah penting untuk menjana pembangunan negara', 15.3 peratus bersetuju, 32.0 peratus tidak bersetuju dan 54.7 peratus tidak pasti. Rata-rata responden menyatakan tidak pasti berkaitan dengan cukai barangan dan perkhidmatan GST ini kerana mereka tidak mendapat maklumat yang tepat dan tidak faham dengan pelaksanaan cukai ini bahawa adakah cukai tersebut akan menguntungkan rakyat atau ataupun dapat menjana pembangunan negara. Bagi responden yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan GST, mereka menyatakan bahawa pelaksanaan ini akan menguntungkan pembangunan negara tetapi akan merugikan rakyat. Ini kerana dengan pelaksanaan GST ini akan membebankan mereka dalam membayar cukai perkhidmatan dan pembelian secara tidak langsung malah semua golongan akan terlibat dalam pelaksanaan cukai ini. Berkaitan dengan pembangunan negara, mereka tidak yakin dengan pelaksanaan ini akan dapat membangunkan rakyat jika rakyat sendiri tidak dapat dibangunkan dengan keadaan ekonomi yang sedia ada. Bagi responden yang berpendapat sebaliknya pula adalah kerana GST ini akan lebih membantu kerajaan dalam mendapatkan hasil cukai dari pengeluar dan pengguna secara terus tanpa ada penipuan atau dapatan cukai lebih yang dikenakan pengeluar kepada pengguna. Pelaksanaan GST ini adalah sangat baik bagi menjamin hak pengguna khususnya di samping dapat menjana pendapatan negara.

Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar Selangor dibawah Pakatan Rakyat (PR) selepas mengambil alih pentadbiran negeri 2008 lalu, telah membentuk satu dasar dengan membelanjakan RM 1.049 bilion dari Mac 2008 hingga 31 Disember 2013 bagi melaksanakan program dan dasar terangkum dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Dengan pelaksanaan dan pembelanjaan ini, ia berjaya memberi manfaat kepada 1.7 juta rakyat Selangor melalui program MES (Selangorkini, 29 Ogos - 5 September 2014). Hasil dapatan kajian berkaitan dasar (MES) ini mendapati majoriti responden menyatakan kesemua dasar MES adalah baik dan bermanfaat kepada semua pihak bagi keseluruhan program dijalankan kerajaan negeri Selangor (Lihat Jadual 4).

**Jadual 4. Pendapat umum mengenai Dasar Pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)**

Bil.	Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)	Paling bermanfaat	Bermanfaat	Tidak Bermanfaat
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	27.7	71.3	1.0
2.	Hadiah Anak Masuk Universiti	27.3	72.7	0.0
3.	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	27.7	72.3	0.0
4.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu Pertama	27.7	72.3	0.0
5.	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	26.3	73.7	0.0
6.	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	26.3	73.7	0.0
7.	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	26.3	73.7	0.0
8.	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	26.3	73.3	0.3
9.	Intensif Perkahwinan Belia	26.3	73.7	0.0
10.	Pusat Tuisyen Rakyat	26.3	73.7	0.0
11.	Pusat Dialisis Rakyat	26.3	73.7	0.0
12.	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	26.3	73.3	0.3
13.	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	26.0	73.7	0.3
14.	Cuti Bersalin 90 Hari	26.0	73.0	1.0
15.	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	26.0	73.0	0.7
16.	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	26.3	73.0	0.7
17.	Pusat Krisis Sehenti (OSCC)	26.0	73.7	0.3
18.	Jom Shopping (Warga Emas * ibu tunggal)	26.3	73.7	0.0
19.	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Bantuan dan Mineral	25.3	74.7	0.0

Sumber: Soal selidik 2014

Bagi program hadiah anak masuk universiti, 27.3 responden menyatakan paling bermanfaat dan 72.7 peratus bermanfaat. Hadiah RM1,000 diberi kepada anak Selangor dari keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah, yang melanjutkan pendidikan ke pusat pengajian tinggi awam/swasta yang diiktiraf kerajaan dengan mengikuti pengajian peringkat diploma atau ijazah sarjana muda. Rata-rata responden yang disoal selidik tidak kira dari sokongan parti mana, taraf ekonomi dan pendidikan, telah bersetuju dengan dasar MES telah dilaksanakan dengan baik terutamanya program hadiah anak masuk universiti. Bagi responden yang mempunyai pengalaman anak-anak mereka masuk ke universiti dan mendapat bantuan kewangan ini merasakan ia sangat bermanfaat bagi menampung kos perbelanjaan sekurang-kurangnya duit ini dapat digunakan untuk persediaan anak-anak mereka masuk universiti. Bagi responden berpendapatan bawah RM 3000 begitu bersyukur dengan hadiah anak masuk universiti ini diperkenalkan.

Untuk skim 'Bekalan air percuma bagi 20 meter padu pertama', 27.3 reponden menyatakan skim tersebut paling bermanfaat dan 72.7 peratus bermanfaat. Dasar memberi bekalan air 20 meter padu pertama percuma bagi kepada pengguna domestik yang bermeter individu setiap bulan telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2008. Program ini adalah bertujuan membantu mengurangkan beban kewangan dan kehidupan rakyat Selangor. Dianggarkan seramai 1.4 juta pengguna meter individu penduduk di Selangor telah menikmati kemudahan ini dengan perbelanjaan Kerajaan Negeri sebanyak RM 774 juta sehingga 31 Disember 2013. Bagi responden secara tidak langsung program ini telah meringankan beban mereka terutama dalam situasi ekonomi merosot ini. Atas istilah keramat "Merakyatkan Ekonomi Selangor", Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat (PKR, DAP dan PAS) berjaya melakukan perkara yang dikatakan oleh pihak-pihak tertentu sebagai mustahil. Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bertindak mengagihkan semula keuntungan pihak-pihak yang terlibat dalam perkhidmatan air ini kepada rakyat.

Seterusnya bagi program 'Pusat Tuisyen Rakyat', 26.3 responden menyatakan program tersebut paling bermanfaat dan 73.7 peratus bermanfaat. Menurut Penolong Setiausaha, Unit Pendidikan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Siti Syazwani Ab Latib, kira-kira 62,749 pelajar seluruh Selangor mengikuti program berkenaan membabitkan 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) sejak dimulakan pada Mac 2009 (Selangorkini.com). Responden terutamanya yang mempunyai keluarga dan anak merasakan program ini sangat bermanfaat bagi mereka untuk memberi pendidikan yang lebih baik kepada anak-anak dengan percuma secara tidak langsung memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk berdaya saing dengan pelajar-pelajar lain dengan harapan ibu bapa agar program ini dapat diteruskan dan dikembangkan ke negeri-negeri lain.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kaedah kempen tradisional seperti ceramah dan poster kempen masih dapat mempengaruhi pilihan politik pengundi di DUN Kajang berbanding kempen melalui media alternatif. Dasar kerajaan sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat juga disokong oleh responden. Bentuk kempen yang sihat melambangkan kematangan berpolitik oleh pekerja parti politik masing-masing dalam sebuah negara yang menjunjung prinsip pemerintahan demokrasi berparlimen ini. Dasar atau polisi yang mengutamakan rakyat juga perlu menjadi prioriti kepada kerajaan tidak kira parti mana yang memerintah sesebuah negara ataupun negeri. Dengan itu, pemimpin-pemimpin parti hendaklah bertanggungjawab, amanah, dan bersih dari rasuah supaya menjadi *role model* yang baik kepada masyarakat. Pemimpin yang terbaik dan mengutamakan rakyat dengan memberi kemajuan, pembangunan dan pembaharuan di samping keseimbangan dengan elemen agama akan terus menjadi pilihan di hati rakyat.

## Rujukan

- Berita Harian*, Khamis, 27 April 1995.  
*Berita Harian*, Rabu, 1 Disember, 1999.  
*Berita Harian*, Selasa, 23 Mac 2004.  
*Berita Harian*, Selasa, 7 Mei 2013.  
*Dewan Masyarakat*. 2008. Edisi Khas.  
*Dewan Masyarakat* (2013) Jilid 51, Bil. 06 Jun. Keputusan Penuh PRU Ke-13.  
<http://keputusan.spr.gov.my/> (tarikh akses: 23 April 2014).  
*Selangorkini*, 29 Ogos - 5 September 2014.  
SPR (1969) *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*. Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur.  
SPR (1974) *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974*. Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur.  
SPR (1978) *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri Kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978*. Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia, Kuala Lumpur.  
SPR (1982) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1982*. Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia, Kuala Lumpur.  
SPR (1986) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*. Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia, Kuala Lumpur.  
SPR (1990) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1990*. Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia, Kuala Lumpur.

- SPR (1995) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia '95*. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Kuala Lumpur.
- SPR (1999) *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2004) *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2008) *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12 2008*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- SPR (2013) *Dashboard PRU 2013*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya.
- The Election Commission. (1959). *Report on the Parliamentary and State Elections 1959*. The Election Commission, Kuala Lumpur.
- The Election Commission. (1964). *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Elections 1964*. The Election Commission, Kuala Lumpur.